

**KAJIAN PERLAKSANAAN DAN PENYAMPAIAN DASAR-DASAR
KERAJAAN DAN KESANNYA KE ATAS KESEPADUAN SOSIAL
SERTA NILAI KEJIRANAN PENDUDUK PENEMPATAN BANDAR**

18 SEPTEMBER 2013

Datuk Dr. Denison Jayasooria (Ketua Penyelidik)
Too Lee Ken
Muhammad Ismail Arninuddin
Mohammad Saifful Hassan
Muhammad Helmy bin Abdul Gapar

**INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

RINGKASAN EKSEKUTIF
“KAJIAN PERLAKSANAAN DAN PENYAMPAIAN DASAR-DASAR KERAJAAN
DAN KESANNYA KE ATAS KESEPADUAN SOSIAL SERTA NILAI KEJIRANAN
PENDUDUK PENEMPATAN BANDAR”

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Program Sayangi Komuniti di bawah Kajian Pelaksanaan dan Penyampaian Dasar-Dasar Kerajaan dan Kesannya Ke Atas Kesepaduan Sosial Serta Nilai Kejiranan Penduduk Penempatan Bandar merupakan sebuah kajian yang dijalankan oleh Institut Kajian Etnik (KITA) UKM dan telah dibiayai oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Laporan Akhir kajian ini telah disediakan sebagai maklum balas terhadap segala maklumat, data dan aktiviti serta program-program/bengkel-bengkel yang telah dijalankan sepanjang kajian ini berlangsung. Di samping itu, maklumat lanjut dan huraian analisis serta lampiran-lampiran berkenaan turut dimasukkan.

Sebuah bengkel kepimpinan iaitu Bengkel Komuniti anjuran JPNIN Putrajaya dengan kerjasama KITA-UKM juga telah diadakan pada 15 Disember 2012-16 Disember 2012 bertempat di Hotel Cititel Express, Kuala Lumpur. Bengkel ini melibatkan wakil bagi kesemua 8 buah lokasi kajian dalam kajian ini.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Lokasi Kajian

9 buah kawasan kejiranan dikenalpasti melalui kerjasama JPNIN:

- a) Pangsapuri Seri Enggang, Puchong
- b) Pangsapuri Sri Pulai, Balakong
- c) Flat Desa Mentari, Petaling Jaya
- d) Flat Desa Mentari, Kelana Jaya

- e) Pangsapuri Sri Perantau, Klang
- f) Flat Seri Sarawak, Cheras
- g) Flat PPR Muhibbah, Lembah Pantai,
- h) Flat Teluk Indah, Seberang Perai
- i) Pangsapuri Taman Harmoni Buntong, Perak

2.2 Kutipan Data

- 2.2.1 Memberi taklimat dan perbincangan bersama JPNIN dan wakil pemimpin kawasan kejiranan.
- 2.2.2 Lawatan ke lapangan kajian dan dialog bersama dengan wakil pemimpin di kawasan kejiranan.
- 2.2.3 Melakukan kaji selidik melalui borang kaji selidik (Profail Komuniti)
- 2.2.4 Melaksanakan Bengkel Kepimpinan (15-16 Disember 2012)
- 2.2.5 Berbeza daripada masyarakat Tradisional/Luar Bandar yang mana alamiahnya terpisah dan didominasi oleh etnik yang sama, pertuturan bahasa/dialek dan budaya. Contoh: Masyarakat yang menetap di kawasan Kampung, Estet, dan Perkampungan Cina.
- 2.2.6 Pada peringkat permulaan untuk dijadikan sebagai *pilot study* atau pra kajian, beberapa kawasan kejiranan dipilih sebagai lokasi kajian.

2.3 Demografi Kawasan Kajian

- 2.3.1 **9 buah** kawasan kejiranan terdiri dari **13,482 keluarga** dan secara anggarannya mempunyai **66,908 orang** bagi populasi penduduk. Hal ini menunjukkan kepadatan penduduk yang menetap di kawasan berkenaan.
- 2.3.2 9 buah kawasan kejiranan ini secara majoritinya dihuni oleh penduduk yang berbangsa Melayu dan India:
 - 25-65% penduduk adalah India (Malaysia: 8%)
 - 20-65% penduduk adalah Melayu (Malaysia: 60%)
 - 4-20% penduduk adalah Cina (Malaysia 30%)

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Kawasan Kejiranan Baru:

- Wujud Semangat Kekitaan
- Berkongsi Sejarah dan Pengalaman Lama
- Wujud Komuniti Yang Dinamik
- Memahami Keperluan dan Nilai Kebersamaan

3.2 Implikasi Demografi

3.2.1 Pemimpin Tempatan dan Pembuat Dasar (*Policy Makers*) perlu memahami akan realiti sebenar ini.

3.2.2 Penting dan perlu diingat bahawa realiti di kawasan kejiranan seperti ini amat berbeza dari kawasan lain.

3.2.3 Memerlukan kefahaman yang jelas berkenaan dengan kawasan kejiranan tersebut.

3.3 Kebaikan Kawasan Kejiranan

3.3.1 Terdapat 7 Indikator yang dikategorikan berkenaan dengan kebaikan di kawasan kejiranan iaitu:

- Lokasi Perumahan
- Kawasan Sekolah
- Pasaraya Besar/Pusat Beli-belah
- Lot Kedai
- Kawasan Perindustrian
- Peluang Pekerjaan
- Akses Perkhidmatan Awam

- 3.3.2 Hal ini menggambarkan pengalaman yang ada di kawasan kejiranan mereka yang memandu mereka ke aspek yang positif untuk hidup (tinggal) di kawasan bandar
- 3.3.3 Mempunyai pengalaman dan pandangan yang positif amatlah penting bagi mengecapi Kualiti Hidup (*Quality of Life*) dan rasa selamat hidup di dalam komuniti.

3.4 Implikasi Kebaikan Kawasan Kejiranan

- 3.4.1 Penting bagi kita untuk mengangkat aspek positif ini supaya masyarakat tempatan (penduduk) akan menghargai dan menyayangi kawasan kejiranan mereka.
- 3.4.2 Penting juga bagi kita untuk mengakui akan aspek positif ini dan dijadikan sebagai contoh yang baik.
- 3.4.3 Melalui aspek positif ini juga, kita mampu memperkembangkan lagi kepada seluruh masyarakat di Malaysia.

3.5 Infrastruktur Dan Kemudahan Di Kawasan Kejiranan

- 3.5.1 Kemudahan dan Infrastruktur merupakan suatu keperluan yang sangat signifikan bagi setiap kawasan kejiranan.
- 3.5.2 Kemudahan yang WAJIB ada bagi setiap kediaman ialah seperti Klinik, Surau, Kuil, Tokong, Telefon Awam, Lif dan lain-lain.
- 3.5.3 Kemudahan dan Infrastruktur yang baik juga memacu kepada masyarakat untuk memperolehi Kualiti Hidup (QOL) yang baik.
- 3.5.4 Semangat kekitaan yang lebih tinggi boleh diwujudkan apabila kemudahan ini dijaga secara bersama di bawah satu payung komuniti.

3.6 Implikasi Struktur Dan Kemudahan Di Kawasan Kejiranan

- 3.6.1 Kesan daripada ketidakupayaan kemudahan dan infrastruktur yang baik disediakan kepada penduduk di kawasan kejiranan mampu menimbulkan pelbagai konflik dan kesan negatif.
- 3.6.2 Kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di kawasan kejiranan seharusnya memberikan keselesaan kepada penduduk.
- 3.6.3 Penduduk akan lebih menghargai segala bentuk kemudahan dan infrastruktur yang ada demi kebaikan bersama.

3.7 Agensi-Agensi Kerajaan Yang Berkhidmat Di Kawasan Kejiranan

- 3.7.1 Kami mendapati bahawa perlunya / pentingnya agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam membantu penduduk di kawasan kejiranan iaitu:
 - JPNIN (Tabika Perpaduan)
 - Kementerian Kesihatan Malaysia
 - Kementerian Pelajaran Malaysia
 - Polis DiRaja Malaysia (Rondaan dan Pemantauan & Balai Polis Komuniti)
 - Jabatan Kemajuan Masyarakat (Tabika KEMAS)
 - Pihak Berkuasa Tempatan/Bandaraya
- 3.7.2 Hal ini bagi tujuan memberikan satu jaminan dan keupayaan kepada penduduk untuk menghargai dan menyayangi kawasan kejiranan mereka selain rasa selamat menetap di kediaman masing-masing khususnya di dalam komuniti mereka.
- 3.7.3 Melalui kerjasama dan bantuan daripada agensi-agensi mahupun jabatan-jabatan kerajaan, pastinya sedikit sebanyak mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

3.8 Implikasi Agensi Kerajaan Di Kawasan Kejiranan

- 3.81 Dalam hal ini, keterlibatan dan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab mampu memberikan kesan yang positif kepada penduduk kawasan kejiranan.
- 3.8.2 Seterusnya membawa kepada kepercayaan penduduk akan keupayaan kerajaan dalam menjaga keamanan, keharmonian, hubungan dan semangat 1Malaysia yang cuba diterapkan kepada masyarakat Malaysia.
- 3.8.3 Dengan adanya kerjasama dan bantuan daripada agensi-agensi terlibat, secara tidak langsung dapat menyemai rasa "Sayangi Komuniti" yang lebih mendalam dalam kalangan penduduk.

3.9 Isu Dan Masalah Tempatan

Dalam hal ini, setiap kawasan kejiranan telah melaporkan isu-isu dan masalah-masalah yang sering membelenggu penduduk. Pada peringkat kajian, kami telah memecahkan kepada 4 tema kecil iaitu:

3.9.1 Infrastruktur

Masalah infrastruktur ini termasuklah masalah lif rosak, tidak diselenggara dengan baik, kos penyelenggaraan yang tinggi, masalah pembuangan sampah di merata-rata tempat, masalah kebersihan, tikus berkeliaran, tiadanya kemudahan pejabat JMB/JMC di kawasan kejiranan, masalah tempat meletakkan kenderaan dan lain-lain hal.

Hal ini sedikit sebanyak memberikan kebimbangan kepada penduduk yang mana hampir setiap hari dibelenggu dengan

masalah yang sama yang mana tiada penyelesaian yang berkesan diperolehi.

Namun di Pangsapuri Teluk Indah, terdapat masalah dari segi Masalah Pemilikan Rumah atau "Strata Title" yang masib tiada jawapan sehingga kini.

Masalah yang paling ketara bagi hampir semua kawasan kejiranan ialah masalah kerosakan lif dan tempat meletakkan kenderaan yang tidak mencukupi.

3.9.2 Gejala Sosial

Bercakap soal Gejala Sosial memang tidak dapat dinafikan ianya berkaitan dengan isu dadah, vandalisme, jenayah dan gangsterisme.

Dalam hal ini maklumat yang diperolehi daripada penduduk, hampir kesemua kawasan melaporkan masalah yang sama iaitu masalah penyalahgunaan dadah dan vandalisme termasuklah merosakkan lif, telefon awam dan conteng.

Masalah yang memberikan kebimbangan yang serius dalam hal ini ialah masalah gengsterisme yang mana menimbulkan rasa takut dan tidak selamat dalam kalangan penduduk.

Contoh di Flat Taman Harmoni, Pangsapuri Sri Pulau dan Flat Desa Mentari.

Terdapat juga beberapa kes jenayah seperti kes bunuh, bunuh diri, buang bayi dan sehingga menjadi kes polis.

3.9.3 Perpaduan dan Keharmonian

Bagi masalah berkaitan perpaduan dan keharmonian ini pula, kebanyakan kawasan kejiranan menyatakan masalah berkenaan dengan pendatang asing yang menyewa di unit-unit rumah di kawasan mereka.

Seringkali juga, mereka membuat bising, bergaduh dan mabuk sehingga mengganggu jiran tetangga yang lain.

Selain itu, ada juga yang melaporkan masalah berkenaan dengan hubungan perpaduan dalam kalangan penduduk yang tidak begitu erat.

Sedikit sebanyak ianya memberikan kesan dari segi kestabilan dan keharmonian kawasan kejiranan yang mana pada akhirnya membawa kepada konflik dan pepecahan penduduk.

3.9.4 Masalah Pengurusan

Berkenaan dengan masalah pengurusan, kegagalan kepimpinan dan pengurusan di kawasan kejiranan boleh menjadi faktor kepada pepecahan hubungan dan nilai kekitaan dalam kalangan penduduk

Kebanyakan kawasan menyatakan bahawa kawasan mereka dipimpin baik oleh wakil Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk yang ada di kawasan mereka.

Namun, terdapat juga kawasan kejiranan yang mana sehingga kini masih tiada jawatankuasa bagi Rukun Tetangga (RT) ditubuhkan.

Kegagalan pihak JMB/JMC untuk menyediakan pejabat urusan di kawasan kejiranan turut memberikan kesan dalam masalah ini.

Tiadanya dialog dua hala diantara penduduk dan pihak yang berwajib boleh keadaan semasa penduduk.

3.9.5 Implikasi Isu Dan Masalah Tempatan

Tiadanya ruang dan peluang yang sewajarnya dalam menyelesaikan permasalahan/ konflik yang berlaku mungkin boleh memberikan kesan yang lebih mendalam kepada penduduk.

Fungsi wujudnya Rukun Tetangga disini adalah sebagai "orang tengah" atau Mediator diantara penduduk dan pihak atasan, dan ianya berjalan dengan berkesan bagi sesetengah tempat.

Pentingnya komunikasi dua hala terutamanya dialog adalah bagi tujuan mengetahui masalah yang tercetus dan semestinya mencari jalan penyelesaian terbaik bagi setiap masalah yang tercetus.

Sikap "lepas tangan" oleh sesetengah pihak pada akhirnya boleh mencetuskan konflik yang lebih besar jika tidak dibendung dari awal lagi.

4.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

4.1 Pertama:

Perlu wujudnya keperluan untuk mengadakan dialog antara penduduk dengan pelbagai agensi termasuk Kerajaan Tempatan, berkenaan masalah tempatan di peringkat kejurangan.

JPNIN perlu menyediakan barisan kepimpinan /wakil dengan menjemput agensi-agensi pemimpin tempatan untuk berdialog bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit.

Perlu menyediakan senarai semak berdasarkan kajian KITA dan memantau kaedah penyelesaian masalah.

4.2 Kedua:

Pertemuan di antara pemimpin tempatan dan mengadakan bengkel mengasah skil kepimpinan terutamanya bagi Rukun Tetangga (RT) dan Persatuan-Persatuan Tempatan seperti Persatuan Penduduk, JMB / JMC, Ketua-Ketua Agama, NGO Tempatan dan lain-lain.

JPNIN boleh membuat sebuah bengkel kepimpinan di kawasan kejurangan mereka untuk menyemai rasa "Menyayangi Komuniti" dalam kalangan pemimpin tempatan.

4.3 Ketiga:

Adanya keperluan untuk memperkukuhkan jaringan hubungan tempatan dan kepimpinan tempatan melalui pasukan atau jawatankuasa penyusunan yang baru.

Buat masa ini, terdapat pelbagai bahagian yang wujud seperti Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk, Ketua-Ketua Agama, Ketua-Ketua Kaum, Ahli Politik dan NGO.

Bagi tujuan membangunkan mekanisma tempatan secara menyeluruh.

Rukun Tetangga (RT) boleh membantu dan menjemput semua pihak tersebut melalui jaringan perhubungan, dan kerjasama sesama mereka.

4.4 Keempat:

Adanya keperluan untuk menggalakkan penyertaan komuniti dan penduduk tempatan berbincang mengenai isu-isu tempatan.

Penyertaan penduduk terhadap perbincangan ini amatlah penting dan dengan itu, perlunya proses "Dialog Sosial".

Komunikasi dua hala dapat memastikan isu dan masalah itu didengar, diteliti dengan berkesan.

4.5 Kelima

Adanya keperluan untuk menyenaraikan NGO-NGO dalam membantu jawatankuasa kejuruan (Rukun Tetangga) dalam mengenal pasti masalah dan isu-isu tempatan selain bekerjasama dengan pelbagai agensi.

Dalam hal ini, JPNIN boleh memantau sebarang proses perbincangan dan dialog yang diadakan untuk memastikan tindakan susulan diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.